

Konsep *Wakalah bil Ujrah* dan Pengamalan Badal Haji menurut Syariat

BITARA

Volume 8, Issue 4, 2025: 262-277
© The Author(s) 2025
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 21 August 2025
Accepted: 21 September 2025
Published: 23 Oktober 2025

[The Concept of *Wakalah bil Ujrah* and The Practice of Hajj Badal according to Sharia]

Maad Ahmad¹, Muhammad Yosef Niteh¹, Mohammad Fairouz Mohammad Fathillah²,
Suhaila Sharil³, Norasiah Mohammad⁴ & Muhammad Fakhrrur Razi Shahabudin⁵

- 1 Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Islam Selangor, Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, MALAYSIA.
Emel: maad@uis.edu.my; myosef@uis.edu.my
- 2 Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, MALAYSIA.
Emel : mfairouz@uis.edu.my
- 3 Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Jalan Ilmu 1/1, 40450 Shah Alam, Selangor MALAYSIA.
Emel : suhaila.sharil@uitm.edu.my
- 4 Fakulti Sains Komputer dan Matematik, Universiti Teknologi MARA, Jalan Ilmu 1/1, 40450 Shah Alam, Selangor MALAYSIA,
Emel: norasiah@trmsk.uitm.edu.my
- 5 Centre for Continuing Education, Sunway College, No. 2, Jalan Universiti, Bandar Sunway, 47500 Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA,
Emel : nurfurqanrazi92@gmail.com

*Corresponding Author: suhaila.sharil@uitm.edu.my

Abstrak

Badal Haji adalah satu ibadah yang dilakukan khusus untuk Muslim yang telah meninggal dunia, dan tujuannya adalah bagi melengkapkan rukun Islam yang kelima sekali gus menyempurnakan agama sebagai seorang Muslim. Namun dalam usaha menyempurnakan agama, sebahagian agensi travel mengambil peluang untuk menawarkan pelbagai pakej yang berpatutan dan bersesuaian. Tidak kalah juga terdapat agensi-agensi yang mengambil kesempatan menawarkan pakej badal haji yang tidak masuk akal, malah mencurigakan dari aspek *wakalah* (perwakilan) dan *ujrah* (upah). Sehubungan dengan itu, matlamat utama kajian ini adalah untuk mengkaji konsep *wakalah bil ujrah* yang diamalkan di dalam perkhidmatan badal haji di Malaysia. Kajian ini akan menggunakan metod kualitatif dengan instrumen analisis kandungan terhadap kajian-kajian lepas, model, modul dan garis panduan daripada Tabung Haji Malaysia. Kajian ini mendapati secara asasnya terdapat banyak dalil-dalil dari al-Quran dan al-Sunnah yang membahaskan konsep *wakalah* dan *ujrah* dari perspektif syariah. Malah terdapat juga pembincangan isu-isu berkaitan perkhidmatan Badal haji di agensi-agensi tertentu di Malaysia.

Kata kunci: *Wakalah*, *Ujrah*, Badal haji, Agensi, Syariat.

Abstract

Badal Haji is a worship performed specifically for Muslims who have died, and its purpose is to complete the fifth pillar of Islam and thus perfect the religion as a Muslim. However, in an effort to perfect the religion, some travel agencies take the opportunity to offer various affordable and suitable packages. No less are there agencies that take the opportunity to offer badal haji packages that are unreasonable, even suspicious in terms of wakalah (representation) and ujrah (wages). In this regard, the main goal of this study is to study the concept of wakalah bil ujrah practiced in badal haji services in Malaysia. This study will use a qualitative method with content analysis instruments on past studies, models, modules and guidelines from Tabung Haji Malaysia. This study found that basically there are many arguments from the Quran and Sunnah that discuss the concepts

of wakalah and ujah from a syariah perspective. In fact, there are also discussions of issues related to Badal haji services at certain agencies in Malaysia.

Keywords: Wakalah, Ujah, Hajj compensation, Agency, Sharia



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

Cite This Article:

Maad Ahmad, Muhammad Yosef Niteh, Mohammad Fairouz Mohammad Fathillah, Suhaila Sharil, Norasiah Mohammad & Muhammad Fakhur Razi Shahabudin. (2025). Konsep Wakalah bil Ujah dan Pengamalan Badal Haji menurut Syariat [The Concept of Wakalah bil Ujah and The Practice of Hajj Badal according to Sharia]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 8(4): 262-277.

Pengenalan

Badal Haji ialah ibadat haji yang dilaksanakan oleh seseorang individu bagi pihak individu lain yang terhalang daripada melakukan ibadat tersebut disebabkan oleh beberapa halangan menurut syarak. Ini diharuskan di sisi syarak berdasarkan pandangan jumhur ulama dari kalangan mazhab Syafie dan mazhab Hanafi. Badal secara bahasa bermaksud mengganti, mengubah atau menukar manakala haji badal adalah ibadah haji seseorang yang pelaksanaannya diwakilkan, atau istilah tersebut juga bermaksud melakukan ibadah haji untuk menggantikan atau mewakili orang lain. Dengan kata lain, badal haji muncul berkaitan dengan seseorang yang telah dikategorikan wajib haji (terutama dari segi ekonomi) tetapi tidak melakukannya sendiri kerana terdapat halangan contohnya meninggal dunia (Umia et.al 2023).

Menurut kenyataan Datuk Seri Dr Wan Salim Wan Mohd Noor (2023) seorang muslim hanya dibenarkan mengerjakan haji badal untuk seorang sahaja dalam satu tahun dan tidak boleh mengerjakannya untuk lebih dari seorang kerana hukumnya tidak sah (MAIS 2024). Bagi orang yang fakir dan miskin tidak sah mewakilkan orang lain melaksanakan haji bagi dirinya kerana telah gugur kewajipan haji untuk dirinya kerana tidak berkemampuan dari sudut kewangan. Selain itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) iaitu Dr. Muhammad Na'im Mokhtar (2023) mengesahkan kes penipuan mengenai badal haji banyak kali berlaku dan Tabung Haji sentiasa memberi peringatan kepada masyarakat untuk menyiasat terlebih dahulu agar tidak tertipu dengan scammer seperti mana tular video di media sosial berkenaan jemaah yang membuat badal haji untuk 100-200 orang sekaligus dengan menyebut kesemua nama mereka dan diniatkan hanya dalam satu pelaksanaan haji sahaja.

Selain itu, terdapat juga pendedahan video berdurasi 51 saat di *Facebook* yang disahkan oleh Dr. Muhammad Na'im Mokhtar (2023) mengenai tindakan penipuan sekumpulan lelaki yang menggunakan khidmat 'pelakon' untuk menunjukkan bukti bahawa badal haji telah dilaksanakan. Helaian kertas kononnya sebagai bukti ibadah itu dilakukan turut kelihatan bersepah di sekitar kawasan Jabal Rahmah, Makkah yang dibuang oleh kumpulan terbabit dengan tertera nama dari pelbagai negara termasuklah Malaysia. Susulan daripada video tersebut, Yang Dipertua Persatuan Pelajar Malaysia Mekah (PPMM), Syakir Rusydi Ahmad Fauzi (2024) menyatakan mereka tidak pernah bekerjasama dengan mana-mana syarikat yang

menawarkan pakej badal haji. Terdapat 3 modus operandi penipuan badal haji antaranya ialah dengan menawarkan harga yang murah dan tidak masuk akal seperti RM1200, RM2000-RM3000 di *Facebook* seperti mana yang dilaporkan oleh Mohd Khairul Hafiz (2023) ketika ingin mencari badal haji untuk arwah bapanya dan perkhidmatan tersebut menyediakan sekeping cenderamata. Bayaran yang dikenakan tidak realistik kerana jumlah bayaran pakej haji oleh Tabung Haji bagi golongan B40 buat masa ini adalah RM12,356.00, manakala bagi penduduk tempatan atau visa berbayar pula bayaran permit haji boleh mencapai harga SAR4,000.00 dan lebih (Mohd Anuar 2024).

Terdapat kes penipuan di mana pelakon digunakan untuk menunjukkan bukti palsu bahawa upah haji telah dilaksanakan, menipu keluarga si mati atau pesakit yang meminta badal haji. Kemunculan syarikat-syarikat tidak bertanggungjawab yang menipu mangsa dengan kaedah *multi-level -marketing* (MLM), *snowball effect* dan penggunaan imej agamawan seperti Ustaz atau Ustazah untuk menarik pelanggan di mana imej Ustaz dan Ustazah yang baik dan lemah lembut menyebabkan pelanggan mudah membayar perkhidmatan badal haji tersebut tanpa membuat semakan ke atas syarikat. Selain itu, pembayar tidak meminta terimaan pembayaran seperti resit bayaran daripada syarikat atau individu terlibat, seperti mana yang dinyatakan oleh Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf (2023). Menurut Setiausaha Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan Motac Roslan Mohamad (2023) menyatakan terdapat 235 individu dan syarikat di senarai di bawah pemerhatian kerana melanggar Akta Industri Pelancongan 1992 dan 189 aduan berhubung kes penipuan umrah dan haji yang melibatkan kerugian keseluruhan sebanyak RM10 Juta. Justeru, Roslan menasihatkan agar masyarakat membuat semakan dalam senarai *watchlist* dalam laman web (www.motac.gov.my/semakan) sebagai panduan agar tidak tertipu. Jenayah penawaran pakej badal haji yang palsu, penipuan dan pemalsuan visa serta pakej haji adalah termasuk dalam urus niaga yang dilarang syarak, apatah lagi ia dilakukan dalam bulan-bulan yang haram seperti Zulkaedah dan Zulhijah, maka tentunya balasan azab dan dosanya adalah berganda.

Bahkan, dari segi perundangan Arab Saudi, orang yang ditangkap kerana tidak mempunyai visa dan permit haji akan dikenakan denda sebanyak SAR10,000.00 dan akan dihantar kembali ke negara asal, disenarai hitam, serta tidak dibenarkan untuk menunaikan ibadah haji dan umrah dalam satu tempoh tertentu (Mohd Anuar 2024). Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata pihaknya peka berhubung isu penipuan badal haji dan membuat pemantauan bagi mengelak pihak tertentu cuba mengambil kesempatan ketika umat Islam di negara ini menunaikan ibadah berkenaan (Noor Atiqah 2022). Antara garis panduan yang boleh diguna pakai untuk memilih syarikat badal haji adalah memastikan wakil badal haji adalah individu yang layak iaitu telah menunaikan haji sendiri dan rukun-rukunya (Mohd Anuar 2024).

Masyarakat perlu berurusan dengan syarikat atau individu yang berdaftar dan diiktiraf oleh pihak berkuasa seperti Lembaga Tabung Haji. Di samping itu, masyarakat yang ingin mengupah badal haji perlu membuat semakan harga yang ditawarkan dan membandingkan dengan harga pasaran dan jika sekiranya mencurigakan maka hendaklah membuat laporan Polis supaya tidak ditipu oleh *scammer* (Syajaratulhuda 2023). Justeru, apabila melakukan badal haji maka hendaklah mendapat bukti yang jelas bahawa badal haji tersebut telah dilaksanakan mengikut hukum syarak (Syuhada Co0 2023).

Konsep Wakalah

Wakalah berasal daripada perkataan Arab "وكالة" yang bermaksud perwakilan atau pelantikan seseorang untuk bertindak bagi pihak orang lain dalam urusan tertentu. Dalam konteks fiqh muamalah, *wakalah* merujuk kepada kontrak di mana seseorang (*muwakkil*) memberi kuasa kepada orang lain (wakil) untuk melaksanakan tugas atau urusan yang boleh diwakilkan menurut syarak (Ibn Qudamah, 1997). Pensyariatan *wakalah* disokong oleh dalil daripada al-Quran, al-Sunnah, dan ijma' ulama. Contohnya, dalam Surah al-Kahf ayat 19, Allah SWT berfirman mengenai perwakilan dalam urusan pembelian makanan. Selain itu, hadis-hadis Nabi SAW juga menunjukkan amalan *wakalah*, seperti pelantikan wakil dalam urusan pernikahan dan perniagaan.

فَابْعَثُوا أَحَدَكُمْ بِوَرِقِكُمْ هَذِهِ إِلَى الْمَدِينَةِ فَلْيَنْتَظِرْ أَهْيَا أَزْكَىٰ طَعَامًا فَلْيَأْتِكُمْ بِرِزْقٍ مِنْهُ

Maksudnya: "Maka suruhlah salah seorang di antara kamu pergi ke kota dengan membawa wang perak kamu ini, dan hendaklah dia mencari manakah makanan yang lebih baik, kemudian bawalah makanan itu untuk kamu." (Surah al-Kahf: 19)

عن عائشة رضي الله عنها أن النبي ﷺ قال: النِّكَاحُ لَا بُدَّ فِيهِ مِنْ وَلِيٍّ

“Daripada Aisyah RA, bahawa Nabi SAW bersabda: 'Pernikahan tidak sah kecuali dengan wali.'” (Riwayat Abu Dawud, no. 2085)

Hadis ini menunjukkan keperluan wakil (wali) dalam akad nikah. Selain itu, Nabi SAW juga pernah melantik wakil dalam urusan perniagaan. Misalnya, Baginda pernah mengutus sahabat untuk membeli barangan atau mengurus zakat. Oleh itu, para ulama sepakat (ijma') tentang keharusan *wakalah* dalam urusan yang harus diwakilkan.

Rukun Wakalah

Menurut Syeikh Dr. Wahbah al-Zuhayli (2007) dalam kitabnya *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, kontrak *wakalah* memiliki empat rukun utama yang menjadi asas kepada kesahihan pelaksanaannya. Pertama ialah *muwakkil*, iaitu pihak yang memberi kuasa kepada orang lain untuk melaksanakan sesuatu urusan bagi pihaknya. Kedua ialah *wakil*, iaitu pihak yang menerima kuasa tersebut dan bertanggungjawab melaksanakan tugas sebagaimana yang dipersetujui.

Rukun ketiga ialah *muwakkal bih*, iaitu urusan atau perkara yang diwakilkan. Perkara ini mestilah jelas dan diizinkan oleh syarak, sama ada dalam bentuk ibadah seperti badal haji, ataupun urusan muamalah yang lain. Rukun keempat pula ialah *sighah*, iaitu lafaz ijab dan qabul yang berlaku antara *muwakkil* dan *wakil*. Sighah ini boleh diungkapkan secara lisan, melalui tulisan, atau dengan isyarat yang difahami, asalkan ia menunjukkan persetujuan kedua-dua pihak untuk membentuk akad *wakalah* tersebut.

Keempat-empat rukun ini saling melengkapi, dan ketiadaan salah satu daripadanya akan menyebabkan kontrak *wakalah* tidak sah menurut hukum syarak. Dalam konteks badal haji, pematuhan terhadap rukun ini memastikan urusan wakil-muwakkil berjalan dengan sah dan memenuhi tuntutan agama.

Syarat Wakalah

Menurut al-Kasani (2005) dalam kitabnya *Bada'i al-Sana'*, antara syarat-syarat sah *wakalah* termasuk:

1. Kelayakan Pihak-Pihak yang Terlibat

Bagi memastikan sesuatu akad *wakalah* itu sah dan berkesan, para ulama menetapkan beberapa syarat penting yang perlu dipenuhi. Syarat ini merangkumi kelayakan pihak-pihak yang terlibat, kesahihan urusan yang diwakilkan, serta kejelasan akad yang dimeterai.

Pertama, *muwakkil* hendaklah seorang yang berkeahlian penuh (*ahliyyah al-ada'*), iaitu berakal, baligh, dan berkuasa penuh terhadap urusan yang ingin diwakilkan. Hal ini kerana seseorang yang tidak memiliki hak atau kuasa terhadap sesuatu urusan tidak boleh menyerahkannya kepada pihak lain. Begitu juga, *wakil* mestilah seorang yang layak melaksanakan tugas tersebut, sekurang-kurangnya memiliki kemampuan memahami dan melaksanakan arahan yang diberikan.

2. Urusan yang Diwakilkan (الموكل فيه)

Kedua, perkara yang diwakilkan (*muwakkal bih*) mestilah perkara yang diharuskan oleh syarak dan dimiliki oleh *muwakkil*. Ia tidak boleh melibatkan perkara yang haram, maksiat, atau urusan yang tidak dimiliki oleh *muwakkil*. Dalam konteks badal haji, syarat ini memastikan bahawa *muwakkil* adalah seorang yang wajib menunaikan haji tetapi mempunyai keuzuran yang diiktiraf syarak, seperti sakit kronik atau telah meninggal dunia, dan wakil pula memenuhi kelayakan untuk mengerjakan ibadah haji dengan sempurna.

3. Sighah Akad (الصيغة)

Ketiga, *sighah* atau lafaz akad mestilah jelas menunjukkan kerelaan kedua-dua pihak. Tidak boleh ada unsur paksaan atau lafaz yang mengandungi makna samar. Walaupun dalam Mazhab Hanbali akad boleh dibuat melalui lisan, tulisan, atau isyarat, syarat kejelasan tetap perlu dipenuhi agar tidak timbul perselisihan di kemudian hari.

Jenis-jenis Wakalah

Wakalah boleh diklasifikasikan kepada beberapa jenis berdasarkan skop kuasa dan imbuhan kepada wakil:

1. *Wakalah Mutlaqah* (Wakalah Umum)

Wakalah mutlaqah merujuk kepada pemberian kuasa secara umum tanpa menetapkan sebarang batasan masa, tempat, atau jenis urusan yang perlu dilaksanakan oleh wakil. Dalam bentuk ini, wakil diberikan kuasa secara menyeluruh dan terbuka untuk menguruskan pelbagai perkara bagi pihak *muwakkil*. Misalnya, seseorang berkata kepada wakilnya: “*Saya lantik kamu untuk menguruskan semua urusan perniagaan saya.*” Lafaz seperti ini memberi isyarat bahawa wakil boleh membuat sebarang keputusan berkaitan perniagaan tersebut tanpa perlu merujuk semula kepada *muwakkil*, selagi ia dalam lingkungan yang diizinkan oleh syarak.

Jumhur ulama bersepakat bahawa *wakalah mutlaqah* adalah harus, namun pelaksanaannya bergantung kepada ‘*uruf*’ atau kebiasaan setempat. Hal ini kerana dalam masyarakat yang berbeza, skop kuasa wakil mungkin difahami dengan cara yang berbeza. Walau bagaimanapun, jika pemberian kuasa secara terlalu umum ini berpotensi membawa kepada kemudaratan atau penyalahgunaan kuasa, maka akad tersebut wajar diperincikan dengan lebih jelas. Seperti yang dinyatakan oleh Syeikh Dr. Wahbah al-Zuhayli (2007), penjelasan yang lebih spesifik dapat mengelakkan kekeliruan dan memastikan tugas yang diwakilkan dilaksanakan dengan tepat serta selamat.

Dalam konteks badal haji, bentuk *wakalah mutlaqah* kurang sesuai digunakan kerana ibadah haji memerlukan penetapan syarat yang jelas, seperti tahun pelaksanaan, jenis *manasik* yang dipilih, dan cara ibadah itu dilakukan. Kejelasan ini penting bagi memastikan ibadah badal haji memenuhi niat dan kehendak asal *muwakkil*, tanpa berlaku perubahan yang tidak diingini.

2. *Wakalah Muqayyadah* (Wakalah Terhad)

Wakalah muqayyadah merujuk kepada pemberian kuasa yang bersifat terhad, sama ada dari segi jenis urusan, tempoh masa, atau syarat tertentu yang ditetapkan oleh *muwakkil*. Dalam bentuk ini, wakil hanya dibenarkan melaksanakan tugas yang dinyatakan secara spesifik, dan sebarang tindakan di luar skop tersebut dianggap tidak sah kecuali mendapat kebenaran baharu daripada *muwakkil*.

Sebagai contoh, seseorang berkata kepada wakilnya: “*Saya lantik kamu sebagai wakil untuk menjual rumah saya ini sebelum akhir bulan ini sahaja.*” Dalam contoh ini, kuasa yang diberikan adalah khusus untuk urusan menjual rumah tersebut, dan hanya sah dilaksanakan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Sekiranya rumah itu dijual selepas tempoh tersebut tanpa kebenaran baharu, transaksi itu tidak memenuhi syarat *wakalah* yang telah ditetapkan.

Bentuk *wakalah* ini adalah yang paling lazim digunakan dalam pelbagai urusan moden. Antara contohnya ialah dalam jual beli hartanah, di mana pemilik melantik ejen untuk menguruskan penjualan rumah atau tanah; dalam urusan perkahwinan, khususnya apabila wali melantik wakil untuk melangsungkan akad nikah bagi pihaknya; dan juga dalam pembelian barangan melalui wakil, sebagaimana dibincangkan oleh Ibn Qudamah (2005).

Dalam konteks badal haji, *wakalah muqayyadah* amat sesuai digunakan kerana ibadah ini memerlukan penetapan yang jelas tentang siapa wakilnya, bila ibadah itu akan dilaksanakan, jenis *manasik* yang dipilih, dan segala syarat lain yang diperlukan. Dengan cara ini, amanah yang diberikan akan terlaksana dengan sempurna, selari dengan kehendak syarak dan niat asal *muwakkil*.

3. *Wakalah bi al-Ujrah* (Wakalah Bergaji)

Wakalah bi al-ujrah merujuk kepada pemberian kuasa kepada wakil untuk melaksanakan suatu urusan tertentu dengan bayaran atau upah yang dipersetujui. Dalam bentuk ini, wakil bukan sahaja menerima amanah untuk melaksanakan tugas, tetapi juga berhak mendapat imbuhan sebagai balasan atas tenaga, masa, dan kepakarannya. Contoh yang biasa berlaku ialah pelantikan ejen hartanah untuk menjual sebuah rumah dengan komisen sebanyak 3% daripada harga jualan. Dalam situasi ini, akad *wakalah* turut mengandungi unsur *ijarah* (sewaan atau upah) kerana ia melibatkan pembayaran atas perkhidmatan yang diberikan.

Hukum *wakalah bi al-ujrah* adalah harus dan sah di sisi syarak, dengan syarat-syarat tertentu. Pertama, jumlah upah atau bentuk bayaran mesti dinyatakan dengan jelas dan diketahui oleh kedua-dua pihak ketika akad dibuat. Kedua, tidak boleh ada unsur *gharar* atau ketidakpastian yang boleh menimbulkan pertikaian di kemudian hari, seperti kadar upah yang tidak ditetapkan atau syarat bayaran yang kabur. Seperti yang dijelaskan oleh Imam al-Nawawi (2002), akad *wakalah* yang disertai dengan *ujrah* termasuk dalam kategori akad *ijarah*, dan tertakluk kepada hukum-hakamnya.

Dalam konteks badal haji, *wakalah bi al-ujrah* kerap diamalkan, terutamanya apabila seseorang melantik wakil untuk menunaikan haji bagi pihaknya dengan bayaran tertentu. Bayaran ini bukanlah harga bagi ibadah itu sendiri, tetapi sebagai upah atas usaha, masa, dan pengorbanan wakil dalam melaksanakan ibadah yang memerlukan perjalanan jauh, masa yang panjang, serta tenaga yang besar. Dengan syarat-syarat yang dipenuhi, bentuk *wakalah* ini dibenarkan dan diiktiraf oleh ulama.

4. *Wakalah bi al-Tabarru'* (Wakalah Sukarela)

Wakalah bi al-tabarru' ialah pemberian kuasa kepada wakil untuk melaksanakan sesuatu tugas secara sukarela, tanpa menerima sebarang bayaran atau imbuhan. Dalam bentuk ini, wakil menjalankan tanggungjawabnya semata-mata kerana keinginan untuk membantu, memenuhi permintaan, atau menjaga hubungan baik, tanpa mengharap ganjaran material. Contoh mudah ialah seorang adik yang bersetuju mewakili abangnya untuk mengambil dokumen penting daripada pejabat kerajaan, tanpa menerima sebarang bayaran.

Hukum *wakalah bi al-tabarru'* adalah harus dan dibenarkan oleh syarak. Malah, ia dianggap lebih hampir kepada amalan ukhuwah Islamiah dan semangat tolong-menolong yang dianjurkan dalam agama. Seperti yang dijelaskan oleh Syeikh Dr. Wahbah al-Zuhayli (2007), wakil dalam akad ini tidak berhak menuntut sebarang bayaran melainkan ia telah dinyatakan atau dipersetujui terlebih dahulu oleh *muwakkil*. Sekiranya pada awalnya *wakalah* disepakati secara sukarela, maka ia kekal sebagai satu bentuk sumbangan tanpa upah, dan ganjarannya di sisi Allah adalah berdasarkan niat ikhlas dan usaha yang dicurahkan.

Dalam konteks badal haji, *wakalah bi al-tabarru'* boleh berlaku apabila seseorang sanggup menunaikan haji bagi pihak orang lain tanpa menerima bayaran, sama ada kerana hubungan kekeluargaan, kasih sayang, atau sebagai tanda penghormatan kepada *muwakkil* yang telah meninggal dunia. Walaupun bentuk ini jarang diamalkan dalam urusan rasmi disebabkan kos perjalanan yang tinggi, ia tetap dibenarkan dan mempunyai nilai pahala yang besar di sisi Allah.

Konsep Ujarah

Perkataan Ijarah di sudut bahasa ianya berasal dari perkataan **إِجَارَة أَجْرًا يَأْجُرُ** yang bermakna sesuatu yang diberikan sebagai ganjaran kepada sesuatu perbuatan (Al-Fairuz Abadi, 2003). Adapun Makna Ijarah di sudut fiqh terdapat pelbagai takrif yang telah diberikan oleh Fuqaha terhadap pengertian Ijarah mengikut kefahamannya masing-masing terhadap konsep Ijarah itu sendiri seperti berikut:

1. Mazhab Hanafi telah mentakrifkan Ijarah sebagai "**عقد على منفعة بعوض**". Maksudnya: Akad ke atas manfaat dengan bayaran (Al-Sarakhsi, 1986).
2. Mazhab Maliki pula telah mentakrifkannya sebagai Aqad pemilikan ke atas manfaat sesuatu yang diharuskan pada satu tempoh tertentu dengan bayaran (Al-Dusuqi, t.t).
3. Kebanyakan Fuqaha Maliki mengkhususkan perkataan Ijarah dengan sesuatu manfaat yang hasilnya dari manusia dan juga hasilnya dari pada sesuatu manfaat yang dapat di pindah kecuali kapal dan binatang, Manakala perkataan *Karaa* (**كراء**) pula digunakan dengan manfaat yang hasilnya dari sesuatu manfaat yang tak dapat di pindah seperti harta tanah, rumah dan termasuk juga sesuatu manfaat yang dapat dipindah khususnya kapal dan binatang (Al-Dardir, t.t).
4. Mazhab Syafi'i pula telah mentakrifkannya sebagai Aqad ke atas manfaat yang ditujukan dan diketahui, di mana ia boleh diperolehi melalui bayaran tertentu terhadap sesuatu yang diharuskan dengan bayaran tertentu (Al-Sharbini, 1995).
5. Mazhab Hambali pula telah mentakrifkannya sebagai akad ke atas manfaat tertentu yang dibenarkan, pada satu tempoh tertentu, pada 'ayn tertentu atau dalam tanggungan liabiliti atau satu kerja dengan bayaran tertentu (Al-Futuhi, 1999).
6. Manakala Fuqaha semasa seperti Sayyid Sabiq Mentakrifkan *Ijarah* sebagai akad ke atas manfaat dengan bayaran (Sayyid Sabiq, 1983).

Ternyata dari takrif-takrif tersebut bahawa takrif Mazhab Hanbali mengandungi syarat-syarat ijarah yang lebih lengkap dari takrif takrif yang lain dan juga meliputi pembahagian Ijarah dengan jelas iaitu Ijarah pada 'ayn, Ijarah dalam tanggungan liabiliti dan Ijarah dengan pekerjaan atau perkhidmatan. Dari takrif-takrif tersebut juga pada hakikatnya Ijarah adalah penjualan manfaat iaitu pemindahan hak guna (manfaat) atas suatu barang atau perkhidmatan atau pekerjaan dalam waktu tertentu melalui pembayaran atau upah tanpa diikuti dengan pemindahan milikan barang itu sendiri. Akad Ijarah tidak ada perubahan milikan tetapi hanya perpindahan hak guna saja dari yang menyewakan kepada penyewa.

Rukun Ujarah

Terdapat dua pendapat Fuqaha terhadap rukun Ijarah seperti berikut: Pendapat Mazhab Hanafi mereka berpendapat bahawa rukun Ijarah ialah *Sighah*, *Sighah* yang terdiri daripada tawaran pemberi sewa (*Ijab*) dan penerimaan (*Qabul*) penyewa (al-Haskafi, 1992).

Manakala Jumhur Fuqaha dari pada Mazhab Maliki, Syafi'i dan Hambali berpendapat bahawa rukun Ijarah ada tiga secara keseluruhan dan enam secara terperinci seperti berikut:

1. *Sighah* yang terdiri daripada tawaran pemberi sewa (*Ijab*) dan penerimaan (*Qabul*) penyewa.
2. *Mu'ajir* dan *Musta'jir* yang meliputi pihak-pihak yang beraqad pemberi sewaan (*mu'ajir*) dan penyewa (*musta'jir*).
3. Manfaat dan Ujrah yang meliputi manfaat yang akan digunakan oleh penyewa dan bayaran sewaan ke atas penggunaan manfaat tersebut (al-Mauwaq, t.t).

Konsep *Wakalah bil Ujrah* dalam Pengamalan Badal Haji

Bagi melihat dengan jelas konteks *wakalah* bil ujrah, pengkaji membawakan syarat-syarat badal haji sebagai hujahan dalil bagi membahaskan kepentingan *wakalah* dalam menunaikan ibadah Badal haji.

Konsep *Wakalah* dalam amalan Badal haji:

1. Orang yang diwakili telah meninggal atau tiada kemampuan fizikal.

Pelaksanaan haji atau umrah yang wajib hanya boleh diwakilkan bagi pihak orang yang telah meninggal dunia atau orang hidup yang tidak mampu melakukannya dengan tubuh badannya sendiri kerana keuzuran yang kekal. Bagi yang mampu melaksanakan haji dan umrah dengan tubuh badannya, perwakilan untuk ibadah tersebut tidak sah. Berkata Ibn Qudamah (2005):

"لا يجوز أن يستتبع في الحج الواجب من يقدر على الحج بنفسه إجماعاً"

Tidak harus mewakilkan haji wajib bagi seseorang yang mampu melaksanakannya sendiri dengan sepakat para ulama.

Ibn al-Munzir (2004) juga menukilkan perkara yang sama, kata beliau:

"أجمع أهل العلم على أن من عليه حجة الإسلام وهو قادر على أن يحج، لا يجزئ عنه أن يحج غيره عنه"

Para ulama telah sepakat bahawa seseorang yang diwajibkan untuk melaksanakan Haji Islam (haji wajib) dan dia mampu melaksanakannya, tidak sah jika orang lain melaksanakan haji tersebut untuknya

Syarat ini adalah berkaitan haji yang wajib. Adapun haji dan umrah yang sunat, para ulama berbeza pendapat sama ada seseorang yang mampu melaksanakannya dengan tubuh badan sendiri boleh mewakilkan orang lain atau tidak. Mazhab Hambali dalam pendapat yang muktamad membenarkan perkara tersebut, manakala majoriti ulama melarangnya. Dalam kitab *Al-Raudh Al-Murbi'* oleh Al-Buhuti Al-Hambali (2013) disebutkan:

ويصح أن يستنيب قادر وغيره، في نفل حج، أو بعضه

"Sah bagi seseorang yang mampu atau selainnya untuk mewakili orang lain dalam haji sunat atau sebahagiannya.

Ibn Qasim (1977) dalam Hasyiah beliau menyebut:

كالصدقة، ولأنها لا تلزم القادر، ولا غير القادر بنفسه، فجاز أن يستنيب فيها، كالمعسوب

"Seperti sedekah, kerana ia tidak diwajibkan bagi yang mampu mahupun yang tidak mampu untuk melaksanakannya sendiri, maka dibolehkan untuk mewakili orang lain dalam perkara tersebut, seperti orang yang tidak mampu"

Al-Hafiz Ibn Hajar (2021) berkata:

"واتفق من أجاز النيابة في الحج على أنها لا تجزى في الفرض إلا عن موت أو عصب - أي : شلل - ، فلا يدخل المريض ؛ لأنه يرجى برؤه ، ولا المجنون ؛ لأنه يرجى إفاقته ، ولا المحبوس ؛ لأنه يرجى خلاصه ، ولا الفقير ؛ لأنه يمكن استغناؤه

"Ulama yang membenarkan perwakilan dalam haji sepakat bahawa ia tidak sah untuk mewakili orang melakukan haji yang wajib kecuali bagi orang yang meninggal dunia atau yang lumpuh. Oleh itu, ia tidak termasuk orang yang sakit, kerana diharapkan dia akan sembuh, dan tidak termasuk orang yang gila, kerana diharapkan dia akan sembuh, dan tidak termasuk orang yang dipenjarakan, kerana diharapkan dia akan dibebaskan, dan tidak termasuk orang miskin, kerana mungkin ada satu masa dia akan ada harta semula"

1. Wakil telah melaksanakan haji untuk diri sendiri

Badal haji wajib dilakukan oleh mereka yang sudah melakukan ibadat haji untuk dirinya sendiri. Jika ia dilakukan oleh mereka yang belum melakukan ibadat haji, maka haji tersebut dianggap telah dilakukan bagi dirinya sendiri dan bukan bagi pihak mereka yang mewakili atau mengupahnya.

Ini berdasarkan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud dan Ibnu Majah

عن ابن عباس رضي الله عنهما قال "سَمِعَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلًا يَقُولُ: لَبَيْكَ عَنْ شُبْرُمَةَ، قَالَ: مَنْ شُبْرُمَةُ؟ قَالَ: أَخٌ لِي أَوْ قَرِيبٌ لِي، قَالَ: حَجَّجْتَ عَنْ نَفْسِكَ؟ قَالَ: لَا، قَالَ: حُجَّ عَنْ نَفْسِكَ ثُمَّ حُجَّ عَنْ شُبْرُمَةَ" (رواه أبو داود وابن ماجه وأحمد).

Daripada Ibnu Abbas RA berkata: Rasulullah SAW mendengar seorang lelaki berkata: "Labbaik (aku datang untuk memenuhi panggilan-Mu) bagi pihak Syubrumah." Lalu Baginda bertanya: "Siapa Syubrumah?" Lelaki itu menjawab: "Saudara saya atau kerabat saya." Baginda bertanya lagi: "Adakah kamu sudah

menunaikan haji untuk dirimu sendiri?" Lelaki itu menjawab: "Tidak." Baginda bersabda: "Buatlah haji untuk dirimu sendiri dahulu, kemudian haji untuk Syubrumah."

2. Mendapat keizinan dari orang yang diwakili atau pewarisnya

Mereka yang melaksanakan badal haji perlu mendapat keizinan daripada individu yang tidak mampu menunaikan ibadat haji (*ma'dhub*) tersebut jika dia masih hidup. Jika dia sudah meninggal dunia, mereka tidak memerlukan sebarang keizinan atau wasiat daripada si mati di dalam menunaikan badal haji tersebut

3. Niat haji untuk orang yang diwakilinya sahaja.

Seorang wakil dalam haji hanya boleh mewakili seorang sahaja dalam satu ibadah haji. Sekiranya seorang wakil berniat melaksanakan haji bagi pihak lain lebih dari seorang maka haji tersebut tidak sah bagi kedua-dua pewakil. Sebaliknya ia menjadi haji sunat bagi wakil itu sendiri. Kata Imam al-Nawawi dalam kitabnya *al-Majmu'*:

“قَالَ أَصْحَابُنَا لَوْ اسْتَأْجَرَ رَجُلَانِ يَحُجُّ عَنْهُمَا فَأَحْرَمَ عَنْهُمَا مَعَ أَنْعَقَدَ إِحْرَامُهُ لِنَفْسِهِ تَطَوُّعًا وَلَا يَنْعَقِدُ لِوَاحِدٍ مِنْهُمَا لِأَنَّ الْإِحْرَامَ لَا يَنْعَقِدُ عَنْ اثْنَيْنِ وَلَيْسَ أَحَدُهُمَا أَوْلَى مِنَ الْآخَرِ وَلَوْ أَحْرَمَ عَنْ أَحَدِهِمَا وَعَنْ نَفْسِهِ مَعَ أَنْعَقَدَ إِحْرَامُهُ عَنْ نَفْسِهِ لِأَنَّ الْإِحْرَامَ عَنْ اثْنَيْنِ لَا يَجُوزُ وَهُوَ أَوْلَى مِنْ غَيْرِهِ”

Maksudnya: Para ashab kami berpandangan sekiranya dua orang mengupah seseorang untuk melaksanakan haji untuk mereka berdua lalu dia berniat ihram untuk keduanya sekaligus, maka haji tersebut menjadi haji sunat untuk orang yang diupah dan tidak sah haji untuk mereka berdua kerana tidak boleh berniat ihram untuk dua orang (dalam satu haji). Dan seorang dari keduanya tidak lebih berhak dari yang lain. Sekiranya seseorang niatkan ihram haji untuk orang lain dan juga diri sendiri maka ihramnya sah untuk diri sendiri sahaja. Ini kerana ihram haji untuk dua orang sekaligus tidak harus, dan dalam situasi ini dia lebih berhak.

Imam Ibn Hajar al-'Asqalani (2021) ketika syarah hadis berkaitan *badala* haji yang dilakukan bagi pihak Syubrumah menyebut:

أَنَّهُ لَا يَجُوزُ لِمَنْ لَمْ يَحُجَّ عَنْ نَفْسِهِ أَنْ يَحُجَّ عَنْ غَيْرِهِ وَسَوَاءٌ كَانَ مُسْتَطِيعًا أَوْ غَيْرَ مُسْتَطِيعٍ لِأَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمْ يَسْتَفْصِلْ هَذَا الرَّجُلَ الَّذِي سَمِعَهُ يُلَبِّي عَنْ شُبْرُمَةَ

Tidak dibolehkan untuk seseorang yang belum melaksanakan haji untuk dirinya sendiri mengerjakan haji untuk orang lain samada seseorang itu berkemampuan atau tidak kerana Nabi SAW tidak memperincikan keadaan lelaki yang melakukan haji untuk Syubrumah.

Selain mazhab Syafi'i, Fuqaha mazhab lain juga berpandangan yang sama. Imam al-Buhuti (2013) dari Mazhab Hambali berkata:

"وإن أحرم عن اثنين استناباه في حج وعمره؛ وقع عن نفسه؛ لأنه لا يمكن وقوعه عنهما، وليس أحدهما أولى بوقوعه عنه من الآخر."

"Dan jika seseorang berihram untuk dua orang yang mewakilkannya dalam haji dan umrah, ia dianggap sah untuk dirinya sendiri; kerana tidak mungkin berlaku untuk kedua-duanya, dan tidak ada satu yang lebih layak untuk mendapat haji darinya daripada yang lain."

Ibn Qudamah (2005) juga menyebut:

"فإن استنابه اثنان في نسك فأحرم به عنهما وقع عن نفسه دونهما، لأنه لا يمكن وقوعه عنهما، فهذا الكلام يدل على أنه لا يصح الاشتراك في إحرام بنسك واحد."

"Jika dua orang mewakilkannya dalam ibadah haji atau umrah, lalu dia berihram untuk mereka berdua, maka ihram tersebut berlaku untuk dirinya sendiri dan bukan untuk mereka berdua, kerana tidak mungkin ia berlaku untuk kedua-duanya. Ini menunjukkan bahawa tidak sah berkongsi dalam ihram untuk satu ibadah."

Tambahan lagi, ibadah haji ialah suatu ibadah yang terhad waktunya (*mudhayyaq*) untuk menyempurnakan satu jenis ibadah tertentu sahaja dan tidak memadai atau mencukupi untuk melaksanakan ibadah lain yang sama jenis. Hal ini menyebabkan tidak mungkin dua ibadah haji dapat dilaksanakan sekaligus dalam satu tahun kerana seseorang itu perlu menyempurnakan kesemua *manasik* haji bagi memastikan ibadah hajinya sah.

Irsyad Fatwa pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (2021) juga telah menerangkan: "Hukum mengerjakan badal haji bagi beberapa individu di dalam satu masa adalah tidak sah kerana badal haji hanya mencukupi untuk satu orang sahaja. Oleh itu, kami nasihatkan kepada mereka yang ingin mengerjakan badal haji supaya menitikberatkan perkara seperti ini supaya amanah dan ibadat badal haji yang dikerjakan itu sah di sisi hukum dan mendapat keberkatan dari Allah"

Penjelasan sama turut disebut dalam Taudih al-Hukmi Pejabat Mufti Selangor (2023):

"Adapun bagi permasalahan seseorang mengerjakan haji untuk beberapa orang dalam satu haji adalah tidak diharuskan dan jika dilakukan badal haji itu tidak sah. Mafhum daripada hadis Syubrumah di atas menunjukkan bahawa ibadah haji adalah ibadah yang tidak boleh digabungkan dua niat dalam satu haji. Sekiranya ibadah haji boleh dilakukan untuk dua orang atau lebih, tentu Nabi SAW akan mengizinkan lelaki tersebut untuk menggabungkan niat haji untuk dirinya dan Syubrumah sekaligus"

Konsep *Ujrah* dalam Amalan Badal Haji

Badal boleh dilaksanakan dalam dua bentuk iaitu secara sukarela dan dengan bayaran upah. Badal haji secara sukarela adalah perkara yang jelas dan ada dalam nas hadis-hadis seperti di atas. Walaubagaimanapun para fuqaha' berbeza pendapat mengenai hukum membayar atau mengambil upah dalam pelaksanaan badal haji ini.

Mazhab Maliki dan Syafi'i membolehkan ambil upah dalam pelaksanaan badal haji, dan ini juga adalah satu riwayat daripada Imam Ahmad. Namun Abu Hanifah, Ishaq bin Rahawaih, dan satu riwayat daripada Imam Ahmad mengatakan bahawa mengambil untuk melaksanakan badal haji tidak diharuskan. Ibn Abdul Barr berkata dalam "*Al-Istidhkar*":

"Antara hujah Malik dan Syafi'i yang membolehkan perkara ini adalah ijmak mereka tentang penulisan mushaf, pembinaan masjid, penggalian kubur, dan sahnya mengambil upah untuk perkara tersebut, yang merupakan satu ibadah kepada Allah. Begitu juga dengan menunaikan haji bagi pihak orang lain, dan sedekah adalah ibadah kepada Allah, dan Allah membolehkan bagi orang yang melakukannya untuk mendapatkan upah atas pekerjaannya."

Pandangan yang membolehkan mengambil upah berhujah dengan hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim:

عن أبي سعيد رضي الله عنه: ((أَنَّ رَهْطًا مِنْ أَصْحَابِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ انْطَلَقُوا فِي سَفَرٍ سَافَرُوهُ، حَتَّى نَزَلُوا بِحَيٍّ مِنْ أَحْيَاءِ الْعَرَبِ، فَاسْتَضَافُوهُمْ فَأَبَوْا أَنْ يُضَيِّقُوهُمْ، فَلَدَغَ سَيِّدُ ذَلِكَ الْحَيِّ، فَسَعَوْا لَهُ بِكُلِّ شَيْءٍ، لَا يَنْفَعُهُ شَيْءٌ، فَقَالَ بَعْضُهُمْ: لَوْ أَتَيْتُمْ هَؤُلَاءِ الرَّهْطَ الَّذِينَ قَدْ نَزَلُوا بِكُمْ، لَعَلَّ أَنْ يَكُونَ عِنْدَ بَعْضِهِمْ شَيْءٌ، فَأَتَوْهُمْ، فَقَالُوا: يَا أَيُّهَا الرَّهْطُ، إِنَّ سَيِّدَنَا لُدَغَ، فَسَعَيْنَا لَهُ بِكُلِّ شَيْءٍ، لَا يَنْفَعُهُ شَيْءٌ، فَهَلْ عِنْدَ أَحَدٍ مِنْكُمْ شَيْءٌ؟ فَقَالَ بَعْضُهُمْ: نَعَمْ، وَاللَّهِ إِنِّي لَرَاقٍ، وَلَكِنْ، وَاللَّهِ لَقَدْ اسْتَضَفْنَاكُمْ فَلَمْ تُضَيِّفُونَا، فَمَا أَنَا بِرَاقٍ لَكُمْ حَتَّى تَجْعَلُوا لَنَا جُعَلًا، فَصَالَحُوهُمْ عَلَى قَطِيعٍ مِنَ الْغَنَمِ، فَانْطَلَقَ فَجَعَلَ يَنْقُلُ وَيَقْرَأُ: الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، حَتَّى لَكَأَنَّمَا نُشِيطُ مِنْ عِقَالٍ، فَانْطَلَقَ يَمْشِي مَا بِهِ قَلْبَةٌ، قَالَ: فَأَوْفَوْهُمْ جُعَلَهُمُ الَّذِي صَالَحُوهُمْ عَلَيْهِ، فَقَالَ بَعْضُهُمْ: أَقْسِمُوا، فَقَالَ الَّذِي رَقَى: لَا تَفْعَلُوا حَتَّى نَأْتِيَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَذَكَرْ لَهُ الَّذِي كَانَ، فَانْظُرْ مَا يَأْمُرُنَا، فَقَدِمُوا عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَذَكَرُوا لَهُ، فَقَالَ: وَمَا يُدْرِيكَ أَنَّهَا رُقِيَّةٌ؟ أَصَبْتُمْ، أَقْسِمُوا وَاضْرِبُوا لِي مَعَكُمْ بِسَنَمٍ))

Daripada Abu Sa'id R.A berkata: "Sekumpulan sahabat Rasulullah SAW keluar dalam satu perjalanan sehingga mereka sampai di suatu perkampungan Arab. Mereka meminta dijamu tetapi penduduk kampung enggan menjamu mereka. Ketua kampung tersebut telah disengat, dan mereka telah mencuba segala cara untuk mengubatinya tetapi tidak berhasil. Sebahagian daripada mereka berkata: 'Pergilah kepada kumpulan orang yang telah datang kepada kamu; mungkin salah seorang daripada mereka mempunyai sesuatu (untuk mengubatinya).' Maka mereka pergi kepada para sahabat dan berkata: 'Wahai sekalian orang, ketua kami telah disengat, dan kami telah mencuba segala cara untuk mengubatinya tetapi tidak berhasil. Adakah salah seorang daripada kamu mempunyai sesuatu (untuk mengubatinya)?' Salah seorang daripada mereka berkata: 'Ya, demi Allah, aku adalah seorang yang boleh meruqyah, tetapi demi

Allah, kami telah meminta kamu menjamu kami tetapi kamu tidak menjamu kami. Aku tidak akan meruqyah untuk kamu sehingga kamu memberikan upah kepada kami.' Mereka pun bersetuju untuk memberi sekumpulan kambing sebagai upah. Sahabat tersebut pergi dan mula meniup dengan air liur serta membaca: 'Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam,' sehingga kelihatan seolah-olah ketua tersebut terbebas dari ikatan. Dia bangun dan berjalan tanpa sebarang masalah. Mereka pun memberikan upah yang telah mereka sepakati. Sebahagian daripada mereka berkata: 'Bahagikanlah.' Tetapi yang meruqyah berkata: 'Jangan lakukan sehingga kita datang kepada Rasulullah SAW dan menceritakan apa yang telah berlaku, supaya kita dapat melihat apa yang baginda perintahkan kepada kita.' Mereka pun datang kepada Rasulullah SAW dan menceritakan kepada baginda. Baginda bersabda: 'Bagaimana kamu tahu bahawa ia adalah ruqyah? Kamu telah berbuat benar. Bahagikanlah dan berikanlah untukku sebahagian bersama kalian..'

Para sahabat Nabi SAW pernah mengambil upah untuk *ruqyah* dengan Kitab Allah, dan mereka memberitahu Nabi SAW tentang perkara itu, maka baginda membenarkan mereka dalam perkara tersebut. Dan kerana dibolehkan mengambil nafkah untuk perkara tersebut, maka dibolehkan juga upah untuk perkara-perkara lain seperti membina masjid, mengajar agama dan melakukan badal haji. Menerusi penelitian di atas dapat disimpulkan bahawa mengambil upah dan membayar upah dalam badal haji adalah harus dalam pandangan majoriti para ulama. Namun seseorang yang membayar upah untuk menunaikan haji bagi pihak dirinya atau bagi pihak orang yang telah meninggal dunia, perlulah memenuhi syarat-syarat ujah yang ditetapkan oleh syarak, termasuk mengetahui jumlah upah, akad upahan, dan apa yang diterimanya sebagai upah adalah miliknya. Penerima upah dibenarkan untuk membelanjakannya dan menggunakannya dengan bebas, termasuk dalam nafkah dan keperluan lain. Jika ada lebihan, maka itu adalah miliknya. Jika dia terhalang atau tersesat atau kehilangan nafkahnya, maka dia bertanggungjawab atasnya dan haji itu menjadi tanggungannya.

Kesimpulan

Akad *wakalah* adalah salah satu instrumen penting dalam muamalat Islam yang diiktiraf oleh semua mazhab. Walaupun terdapat perbezaan kecil dalam pentafsiran dan pelaksanaannya, keempat-empat mazhab bersetuju bahawa *wakalah* adalah harus berdasarkan dalil al-Quran, Sunnah, dan ijmak ulama. Dalam konteks moden, *wakalah* terus relevan dalam urusan seperti pengurusan kewangan Islam, transaksi perniagaan, dan kontrak pelaburan. Oleh itu, memahami konsep ini mengikut pandangan mazhab dapat memperkayakan kefahaman terhadap sistem muamalat Islam.

Penghargaan

Penghargaan kepada Geran Penyelidikan dan Inovasi Universiti Islam Selangor, no rujukan: RMS-2024-000019 bertajuk "Konsep Badal Haji Dan Amalannya Di Malaysia: Analisis Dari Perspektif Syariah" di atas dana penyelidikan bagi menjayakan kajian ini.

Rujukan

- A. Makrus. 2018. Hukum Badal Haji Menurut Pandangan Majelis Tarjih Dan Tajdid Muhammadiyah Dan Lajnah Bahtsul Masail Nahdlatul Ulama. *Al-Mazaahib : Jurnal Perbandingan Hukum* . Vol. 6, No. 2, Desember 2018, (185-205). <https://ejournal.uin-suka.ac.id/syariah/almazahib/article/download/2322/pdf>
- Abdul Malik. 2016. Badal Haji. *Jurnal Raudhah*. Vol 4 No 1 (97-105) <https://jurnaltarbiyah.uinsu.ac.id/index.php/raudhah/article/view/64>
- Al-Aini, Badr al-Din. (2001). Umdatul Qari. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut.
- Al-Ansari, Zakariya bin Muhammad bin Ahmad. (2006). Sharh al-Minhaj. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut.
- Aulia Rahmadani. 2024. Imams Al-Sarkhasi's And Imams An-Nawawi's Views On The Rewards Of Badal Haji. *Moefty: Jurnal Perbandingan Mazhab dan Hukum*. Vol 13, No 1. Pp 54-63. <https://journals.fasya.uinib.org/index.php/moefty/article/view/543>
- Al-Bugha, Mustafa, Mustafa al-Khin & Ali al-Sharbini. (1992). *Al-Fiqh Al-Manhaji 'Ala Mazhab al-Imam al-Syafie*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Al-Buhuti, Mansur bin Yunus. (2013). Kashshaf al-Qina' 'an Matn al-Iqna'. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. (1989). Sahih al-Bukhari. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut.
- Al-Dardir, Muhammad bin Ahmad bin Muhammad. (2010). Al-Sharh al-Kabir, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut.
- Dewi Fauziah Nuraini, Nor Maulida, Nazela Fauzi. 2024. Legal Protection In Indonesia Against Badal Hajj Fraud. *Al-Mahkamah: Islamic Law Jurnal* . Vol. 2 No. 2. Pp 62-68. <https://doi.org/10.61166/mahkamah.v2i2.23>
- Ibn al-Munzir, Muhammad bin Ibrahim (2004) Al-Ijma'. Dar al-Muslim li al-Nashr wa al-Tawzi', Beirut
- Ibn Hajar, Ahmad bin Ali. (2021). Fathul Bari Syarah Sahih Al-Bukhari. Maktabah Azzam. Kaherah, Mesir.
- Ibn Hazm, Abu Muhammad Ali bin Ahmad bin Sa'id. (2012). Al-Muhalla, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Beirut, Lebanon.
- Ibn Nujaim, Zain al-Din bin Ibrahim bin Muhammad. (2008). Al-Bahr al-Raiq, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Beirut, Lebanon.
- Ibn Qasim, Abdul Rahman bin Muhammad. (1977). Hasyiah Ibn Qasim 'ala al-Raudh al-Murbi'. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, Lebanon.
- Ibn Qudamah al-Maqdisi, Muwaffaq al-Din Abdullah bin Ahmad. (2005). Al-Mughni, Maktabah al-Qahirah. Kaherah, Mesir.
- Ibn Qudamah. (1997). *Al-Mughni*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Jahada Mangka. Muhammad Saddam Nurdin. Nurfaikah Nasrulla. 2024. Keabsahan Badal Haji pada Mubaddil yang Belum Pernah Melaksanakan Haji (Studi Komparatif Mazhab Maliki dan Syafii). *Al-Qiblah: Jurnal Studi Islam dan Bahasa Arab*. Vol 3 No 3. Pp 388-413 <https://doi.org/10.36701/qiblah.v3i3.1600>
- JAKIM. (2015). *Manual Prosedur Operasi Badal Haji*.

- JAWHAR. Fiqh Badal Haji. Pp 1-6 <https://www.jawhar.gov.my/wp-content/uploads/2021/11/Fiqh-Badal-Haji.pdf>
- Al-Kasani, A.B. (2005). *Bada'i al-Sana'i'a fi Tartib al-Syara'i*. Kaherah: Dar al-Hadith
- Al-Khatib al-Syarbini, Shamsuddin Muhammad bin Ahmad. (2006). *Al-Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifat Ma'ani Alfaz al-Minhaj*, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut.
- MAIS. Berhati-hati memilih Perkhidmatan Badal Haji. <https://main.mais.gov.my/berhati-hati-memilih-perkhidmatan-badal-haji/>
- Muhammad Raf'i Aqbar, Muhammad Rafi Mauluddin, Muhammad Rifqi Amiruzzidan, Ahmad Mu'is. 2025. Keabsahan Jasa Haji Badal dalam Perspektif Fiqih. *Jurnal Ummul Qura: Jurnal Institut Pesantren Sunan Drajat (INSUD)Lamongan*. Vol 9 No 1 pp 1-7. <https://ejournal.unsuda.ac.id/index.php/UQ/article/view/1305>
- Muhammad, R. (2016). *Maqasid Ibadah Haji Dalam Perspektif Sunnah: Kajian Terhadap Kefahaman Dan Amalan Jemaah Haji Malaysia*. TESIS SARJANA. University of Malaya (Malaysia).
- Al-Nawawi, Yahya bin Sharaf. (1996). *Syarh Sahih Muslim*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, Lebanon.
- Nurul Siti Patonah. Rizqi Qustati. 2023. Program Manasik Haji Dalam Meningkatkan Kedisiplinan Anak Usia Dini. *Waladunia : Jurnal Pendidikan Islam Anak Usia Dini*. Vol 6 No 2. Pp 75-92 <https://doi.org/10.12928/waladuna.v6i2.899>
- Al-Sharbini, K. (2013). *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifat Ma'ani Alfaz al-Minhaj* (Vol. 1–4). Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Sijistani, Abu Daud Sulaiman al-Asy'ab. T.Th. *Sunan Abu Daud*. Tahqiq: Muhammad Muhyiddin Abd Hamid. Beirut: al-Maktab al-'Asriyyah.
- Umia, H Rajab, Roswati Nurdin, Didin Baharuddin. 2023 Badal Haji Analisis Kritis Pandangan Mazhab Maliki dan Mazhab Shafi'i. *Jurnal al-Muqaranah*. Vol 1 No2 pp 10-23 <https://jurnal.iainambon.ac.id/index.php/am/article/view/5500/1662>
- Wuryaningsih Dwi Lestari, Sri Murwanti, Muhammad Sholahuddin. 2017. Pembiayaan Ibadah Haji Pada Lembaga Keuangan Syariah. *CAKRAWALA: Jurnal Studi Islam*, Vol. XII, No. 2. Pp 141-150. <https://journal.unimma.ac.id/index.php/cakrawala/article/download/1703/1066/>
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri. (2014). *Irsyad al-Fatwa: Isu Badal Haji*. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.
- al-Zuhayli, Wahbah. (2007). *Fiqh Islami wa Adillatuhu* (Vol. 3). Damsyik: Dar al-Fikr.